KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 9 MAC 2023 (KHAMIS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 9 MAC 2023 (KHAMIS)

Utusan Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | KHAMIS |
| TARIKH | : | 9/3/2023 |
| M/SURAT | : | 32 |





# Inisiatif Menu Rahmah terus dapat sambutan

INISIATIF Menu Rahmah yang diperkenalksm kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos sara Hidup menerima sambutan positif daripada orang ramai ekoran harganya yang murah.

Di Selangor sahaja sebanyak 200 premis makanan di negeri itu melaksanakannya setakat ini selain 95 lagi menyatakan minat.

Dalam masa sama, Kerajaan Negeri Selangor juga mengalukan-alukan premis yang mahu mengurangkan harga sedia ada tanpa mengubah kuantiti dan kualiti hidangan tersebut

■ Pelanggan membuat pesanan Menu Rahmah selepas Majlis Pelancaran Menu Rahmah McDonald's Malaysia di McDonald's Mutiara Damansara semalam. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | KHAMIS |
| TARIKH | : | 9/3/2023 |
| M/SURAT | : | 1 |

# Program bantuan persekolahan berkonsep Menu Rahmah akan dilaksana tahun depan

Nasional 6

BH BeritaHarian

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | KHAMIS |
| TARIKH | : | 9/3/2023 |
| M/SURAT | : | 6 |


# Program bantuan persekolahan konsep Menu Rahmah dirangka

## Pakej dilaksana mampu ringankan beban ibu bapa

Oleh Illah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sedang merangka program bantuan persekolahan baharu yang mempunyai konsep sama seperti Menu Rahmah, dalam usaha membantu golongan ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata program bantuan sedemikian dijangka direalisasikan pada sesi baharu persekolahan tahun hadapan.

"Dalam tempoh seratus hari ini, kita akan memfokuskan kepada Menu Rahmah terlebih dahulu tetapi kementerian juga sedang merangka satu program khusus bagi bantuan persekolahan.

"Kita akan merangka program ini seperti inisiatif Menu Rahmah dengan kerjasama pihak tertentu yang akan menyediakan pakej bantuan, yang bertujuan membantu mereka yang memerlukan," katanya selepas melancarkan program Menu Rahmah McDonald di sini, semalam.



*Salahuddin (dua dari kanan) dan Naib Presiden dan Ketua Pegawai Pemasaran, McDonald's Malaysia, Melati Abdul Hai (dua dari kanan) melakukan gimik pelancaran ketika Majlis Pelancaran Menu Rahmah McDonald's Malaysia di McDonald's Mutiara Damansara, Petaling Jaya, semalam.* (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

*BH* kelmarin melaporkan ibubapa mula merungut dengan kelengkapan persekolahan anak mereka yang dikesan naik mendadak antara 20 hingga 30 peratus.

Peningkatan mendadak itu memberi gambaran seolah-olah peniaga mengambil kesempatan dengan menaikkan keuntungan berganda, sekali gus memberi kesan kepada ibu bapa khususnya mereka yang mempunyai anak ramai.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, pada pembukaan sesi persekolahan tahun ini, kementerian masih menganjurkan program 'Kembali ke Sekolah' yang akan turut dijayakan di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara.

### Kepelbagaian pilihan

Sementara itu, beliau juga berkata penyertaan syarikat berjenama besar dalam pelaksanaan Menu Rahmah sekali gus menolak andaian inisitiaf itu menyediakan makanan kelas rendah.

Katanya penyertaan itu adalah usaha murni mereka dalam menyantuni golongan memerlukan sekali gus turut memberi kepelbagaian pilihan menu untuk sarapan, makan tengah hari dan malam.

Menurutnya, kini rakyat mempunyai pilihan seperti nasi berlauk, masakan Thai seperti tomyam, nasi kandar, malah kini pilihan bubur serta burger yang diperkenalkan McDonald's Malaysia.

Katanya, dalam melaksanakan inisiatif untuk rakyat sudah pasti pihaknya memberikan yang terbaik.

"Dengan ada Menu Rahmah di Mcdonald's yang ada lebih kurang 340 cawangan seluruh negara ia secara langsung membunuh isu bahawa menu rahmah ini adalah makanan kelas rendah ataupun tak berkhasiat.

"Saya juga berterima kasih kepada pihak terbabit dan seluruh kakitangan yang sudi bersama dengan KPDN khususnya dalam menjayakan Menu Rahmah dan semua faham sasaran kita adalah mereka yang memerlukan," katanya.

Harian Metro

HARI : KHAMIS
TARIKH : 9/3/2023
M/SURAT : 9

# Bukan makanan kelas rendah

## Penyertaan syarikat berjenama besar bukti Menu Rahmah sediakan bahan terbaik

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Penyertaan syarikat berjenama besar dalam pelaksanaan Menu Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sekali gus 'membunuh' isu inisiatif itu adalah makanan kelas rendah.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, penyertaan itu adalah usaha murni mereka dalam menyantuni golongan memerlukan, sekali gus turut membeli kepelbagaian pilihan menu untuk sarapan, makan tengah hari dan malam.

Menurutnya, kini rakyat mempunyai pilihan seperti nasi berlauk, masakan Thai seperti tom yam, nasi kandar, malah kini pilihan bubur serta burger yang diperkenalkan McDonald's Malaysia.

Katanya, dalam melaksanakan inisiatif untuk rakyat sudah pasti pihaknya memberikan yang terbaik.

"Dengan ada Menu Rahmah di Mcdonald's yang ada lebih kurang 340 cawangan seluruh negara ia secara langsung membunuh isu bahawa ini adalah makanan kelas rendah ataupun tak berkhasiat.

"Saya juga berterima kasih kepada pihak terbabit dan seluruh kakitangan yang sudi bersama dengan KPDN khususnya dalam menjayakan Menu Rahmah dan semua faham sasaran kita adalah mereka yang memerlukan," katanya selepas Majlis Pelancaran Menu Rahmah McDonald's Malaysia, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden dan Ketua Pegawai Pemasaran McDonald's Malaysia, Melati Abdul Hai.

Salahuddin berkata, pelaksanaan itu juga jelas menunjuk perkembangan yang baik apabila dalam kurang seminggu ini sudah ada dua hingga tiga lagi syarikat jenama besar menunjukkan komitmen mereka dalam inisiatif berkenaan.

"Boleh kata hampir semua industri yang berkonsep makanan segera menyatakan pengesahan mereka untuk menyertai Menu Rahmah.

"Saya berbangga kerana apabila kita memanggil pemain industri (mengadakan perbincangan) dalam hati mereka ada rasa ingin membantu. Syarikat jenama besar (menawarkan Menu Rahmah) itu yang mengharukan saya," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, setakat ini lebih 1,152 premis atau outlet makanan yang menjual Menu Rahmah di seluruh negara.

"Jumlah itu tidak termasuk 340 daripada cawangan McDonald's di seluruh negara," katanya.



SALAHUDDIN (tengah) dan Melati menyantuni anak yatim pada Majlis Pelancaran Menu Rahmah McDonald's Malaysia, Mutiara Damansara. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

> *Dengan ada Menu Rahmah di Mcdonald's yang ada lebih kurang 340 cawangan seluruh negara ia secara langsung membunuh isu bahawa ini adalah makanan kelas rendah ataupun tak berkhasiat"*
>
> Salahuddin Ayub

## 3 pilihan Menu Rahmah McDonald's

**Kuala Lumpur:** Restoran khidmat segera, McDonald's Malaysia melancarkan Menu Rahmah dalam usaha membantu meringankan beban masyarakat dalam situasi peningkatan kos sara hidup ketika ini.

Naib Presiden dan Ketua Pegawai Pemasaran McDonald's Malaysia, Melati Abdul Hai berkata, pihaknya menawarkan tiga pilihan menu berharga RM5 yang boleh didapati di semua restoran makanan segera itu di seluruh negara.

Menurutnya, usaha itu menunjukkan sokongan dan komitmen pihaknya terhadap inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), sekali gus membantu masyarakat yang terbeban.

"Sebagai jenama yang dekat di hati rakyat, kami menyokong inisiatif yang bermakna ini dan dengan pelancaran menu ini membolehkan kami menyediakan hidangan kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang untuk bersama menikmati hidangan kami pada bila-bila masa.

"Kami menawarkan burger ayam dan teh ais limau cawan kecil, bubur ayam (saiz kecil) dan teh ais limau (cawan kecil) dan McEgg juga bersama teh ais limau (cawan kecil)," katanya pada Majlis Pelancaran Menu Rahmah McDonald's Malaysia, di sini, semalam.

Pada majlis itu, McDonald's turut menyantuni anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia, Kajang dengan hidangan Menu Rahmah sebagai usaha berterusan dalam menyumbang kepada masyarakat setempat.

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 9/3/2023
M/SURAT : 23

# McDonald's lancar Menu Rahmah

Inisiatif restoran makanan segera terkemuka itu bukti Menu Rahmah bukan menu kelas rendah

PETALING JAYA

McDonald's Malaysia pada Rabu melancarkan Menu Rahmah bagi membolehkan rakyat Malaysia turut menikmati hidangan McDonald's serendah RM5 di lebih 300 cawangannya di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif restoran makanan segera terkemuka itu membuktikan bahawa Menu Rahmah bukanlah menu kelas rendah yang kononnya hanya dibuat untuk golongan B40, seperti didakwa sesetengah pihak.

"Saya yakin syarikat ini tidak akan berkompromi dalam memastikan makanan yang disediakan adalah berkualiti dengan harga berpatutan," katanya selepas majlis pelancaran tersebut.

Sementara itu, Naib Presiden dan Ketua Pegawai Pemasaran McDonald's Malaysia, Melati Abdul Hai berkata, restoran berkenaan menawarkan tiga pilihan menu, masing-masing disertakan dengan teh ais limau cawan kecil iaitu burger ayam, bubur ayam dan McEgg.

"Kami gembira dapat bersama menyokong dan menyediakan Menu Rahmah bagi membantu mengurangkan beban hidup rakyat serta menangani isu peningkatan kos sara hidup.

"Ini adalah usaha kami menghargai masyarakat, selain menarik lebih ramai pelanggan daripada pelbagai latar belakang untuk sama-sama menikmati hidangan kami," katanya.

Tambah Melati, sempena pelancaran Menu Rahmah itu juga, McDonald's mengumumkan kemunculan semula menu yang dinantikan ramai sempena bulan Ramadan iaitu *foldover* ayam dan *foldover* daging yang boleh didapati di semua restoran McDonald's mulai Rabu.

McDonald's juga akan melaksanakan kempen Promosi 30 Hari Ramadan, dengan pelanggan boleh menikmati pelbagai promosi dan ganjaran menarik melalui aplikasi McDonald's sepanjang bulan puasa.

McDonald's sebelum itu turut meraikan anak-anak yatim daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia di Kajang dengan hidangan Menu Rahmah.

Ia adalah sebahagian daripada usaha berterusan syarikat berkenaan dalam menyumbang kepada masyarakat di sekitar lokasi operasinya. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



**Salahuddin (depan, dua dari kanan) dan Melati (depan, tiga dari kanan) ketika pelancaran Menu Rahmah sebagai komitmen membantu rakyat Malaysia di McDonald's Mutiara Damansara, Petaling Jaya pada Rabu.**

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS
TARIKH : 9/3/2023
M/SURAT : 4

# Lebih banyak syarikat besar sertai Menu Rahmah

**PETALING JAYA** – Penyertaan syarikat-syarikat besar menjayakan Menu Rahmah menolak dakwaan segelintir pihak yang mengatakan ia makanan kelas rendah atau tidak berkhasiat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, malah dalam tempoh kurang seminggu, terdapat dua atau tiga jenama besar yang menyediakan Menu Rahmah serta akan diumumkan beliau tidak lama lagi.

"Saya boleh katalah, hampir semua industri berkonsep makanan segera telah menyatakan pengesahan mahu menyertai Menu Rahmah.

"Dalam masa sama, hari ini (semalam) turut diperkenalkan Menu Rahmah di restoran makanan segera McDonald's seluruh negara. Ia secara tidak langsung telah 'membunuh' (dakwaan) Menu Rahmah makanan kelas rendah atau tidak berkhasiat.

"Justeru, kita dapat lihat rakyat mempunyai banyak pilihan menu yang pelbagai bermula nasi, ada konsep pakej, roti canai, tomyam atau nasi kandar yang akhirnya ada pilihan seperti burger seumpamanya," katanya pada sidang akhbar pada pelancaran Menu Rahmah di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, syarikat-syarikat yang terlibat penyertaan Menu Rahmah tersebut tidak meletakkan sebarang syarat dan semua dilakukan menerusi libat urus dengan kementerian itu.

"Apa yang membanggakan saya, bila kita panggil semua pemain industri, dalam hati mereka rupanya ada rasa ingin membantu di samping mereka ini golongan peniaga.

"Syarikat ini sanggup menjayakan Menu Rahmah tanpa apa-apa syarat, mereka sanggup bersama sekali gus bukti keprihatinan kepada rakyat," jelas beliau.

Sementara itu, Salahuddin berkata, sehingga kini kira-kira 1,152 kedai atau premis menyediakan Menu Rahmah yang berdaftar dengan Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan ia tidak termasuk lebih 340 cawangan McDonald's tersebut.



**INISIATIF Menu Rahmah diperkenalkan kerajaan bagi membantu rakyat mengatasi kos sara hidup yang semakin meningkat.** – GAMBAR HIASAN

NEW STRAITS TIMES

HARI : KHAMIS
TARIKH : 9/3/2023
M/SURAT : 8

EXPANSION

# Rahmah plan to include school supplies in 2024

**KUALA LUMPUR:** The Rahmah initiative will be expanded to include school supplies, including schoolbags and uniforms, next year.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said he hoped to expand the initiative following the success of Menu Rahmah, which offers meals at RM5.

"We will have discussions with supermarkets (before making an announcement).

"In the meantime, we will continue with the Back-to-School initiative."

said this after the launch of McDonald's Malaysia Menu Rahmah yesterday.

Present was McDonald's Malaysia vice-president Melati Abdul Hai.

Menu Rahmah was launched in January to help the public deal with the rising cost of living.

Up to Tuesday, 1,152 premises were offering Menu Rahmah and 340 more were included yesterday with the addition of McDonald's outlets.

McDonald's customers can choose either chicken burger, chicken porridge McD or McEgg to go with a small iced lemon tea for RM5.

The menu is available all day.

With the inclusion of the three menus from McDonald's, Salahuddin said people had a variety of choices, from roti canai, nasi kandar, tomyam and now porridge and burgers.

"This dispels the notion that Menu Rahmah offers low-class food, or a menu that lacks nutrients.

"In the coming weeks, we will see more big companies offering Menu Rahmah."

He said the ministry would launch the Raya Rahmah Sale in conjunction with Hari Raya Aidilfitri next month.

He added that the ministry would not impose a ceiling price on Menu Rahmah.

He said he had asked stakeholders and food operators if it was possible to prepare a menu below RM5 and call it Menu Rahmah.

For this, Salahuddin said, operators had given their nod to participate the initiative.

"Even before the initiative was launched, operators in some states were already offering food at a lower price to help people," he added.

Salahuddin said: "We welcome them to become our partners and they will be given Menu Rahmah stickers to be displayed at their outlets."

At the event, McDonald's treated orphans from Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia in Kajang.




*Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub (right) launching McDonald's Malaysia Menu Rahmah in Kuala Lumpur yesterday. On his right is McDonald's Malaysia vice-president Melati Abdul Hai.* PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS
TARIKH : 9/3/2023
M/SURAT : 16



KERAJAAN dan pemain industri bersetuju untuk mengekalkan harga minyak masak dalam botol sehingga 7 April depan. – GAMBAR HIASAN

Langkah bantu rakyat terkesan kos sara hidup

# Harga runcit minyak masak botol kekal

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**PUTRAJAYA** – Kerajaan dan pemain industri bersetuju mengekalkan harga minyak masak kelapa sawit tulen bermula semalam sehingga 7 April depan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkata, langkah itu merupakan komitmen kerajaan membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup serta menangani isu kenaikan harga bagi mengelakkan kesan kepada pengguna.

"Selain pelbagai inisiatif di bawah Payung Rahmah, turut diteruskan adalah peranan kerajaan menerusi KPDN yang menetapkan harga runcit maksimum bagi minyak masak tulen kemasan botol bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.4) 2023.

"Secara umumnya, terdapat sedikit kenaikan harga minyak sawit mentah untuk Februari berbanding bulan sebelumnya.

"Bagaimanapun, berdasarkan rundingan diadakan sebelum ini, kerajaan dan pihak industri bersetuju untuk mengekalkan harga minyak masak kelapa sawit tulen untuk tempoh 8 Mac hingga 7 April depan," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas KPDN, harga runcit maksimum bagi tempoh tersebut adalah RM6.90 bagi kemasan botol satu kilogram (kg), RM13.30 (2 kg), RM19.60 (3 kg) dan RM30.90 bagi lima kilogram.

Katanya, mana-mana pihak yang didapati menjual melebihi harga maksima boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Mereka boleh dikenakan denda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat boleh didenda maksimum RM500,000," katanya.

**Harga runcit minyak masak botol**

| Kemasan botol | Harga |
|---|---|
| 1 kilogram | RM6.90 |
| 2 kilogram | RM13.30 |
| 3 kilogram | RM19.60 |
| 5 kilogram | RM30.90 |

theSun TELLING IT AS IT IS

HARI : KHAMIS
TARIKH : 9/3/2023
M/SURAT : 4

# No change in price of bottled cooking oil

PUTRAJAYA: The maximum retail prices for bottled cooking oil will remain unchanged for the March 8 to April 7 period, according to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

It said the price for 1kg of bottled cooking oil will remain at RM6.90 while a 2kg bottle will remain at RM13.30 and a 3kg bottle will remain at RM19.60, with a 5kg bottle remaining at RM30.90, in accordance with the Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Price for Cooking Oil) Order 2023.

"In general, there was a slight increase in the price of crude palm oil in February compared with the previous month.

"However, based on negotiations held earlier, the government and the industry have agreed to maintain the prices of bottled pure cooking oil for this period."

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry added that any party selling bottled cooking oil at prices above the maximum will face action under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 and be liable for a fine of up to RM100,000, or a jail term of not more than three years, or both for individuals, and a fine of up to RM500,000 for companies. – Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# MEDIA ONLINE
# (KPDN)

## 9 MAC 2023 (KHAMIS)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 9 MAC 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 9-Mar | McDonald's lancar tiga hidangan Menu Rahmah serendah RM5 | https://www.dagangnews.com/content/mcdonalds-lancar-tiga-hidangan-menu-rahmah-serendah-rm5-24629 | DAGANGNEWS |
| 9-Mar | McDonald's lancar tiga hidangan Menu Rahmah berharga RM5 | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1074039/mcdonalds-lancar-tiga-hidangan-menu-rahmah-berharga-rm5 | BH |
| 9-Mar | McDonald's lancar Menu Rahmah | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943506/mcdonalds-lancar-menu-rahmah | HM |
| 9-Mar | Salahuddin: 'Rahmah' school supplies on the cards | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/887026/salahuddin-rahmah-school-supplies-cards | NST |
| 9-Mar | McD pun ada Menu Rahmah! Boleh pilih 3 hidangan bersama air, menariknya tiada had waktu... Boleh beli bila-bila masa | https://www.mstar.com.my/travel/selera/2023/03/08/mcd-pun-ada-menu-rahmah-boleh-pilih-3-hidangan-bersama-air-menariknya-tiada-had-waktu-boleh-beli-bila-bila-masa | MSTAR |
| 9-Mar | Salahuddin Ayub Rai Menu Rahmah RM5 McDonald’s | https://malaysiagazette.com/2023/03/08/salahuddin-ayub-rai-menu-rahmah-rm5-mcdonalds/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 9-Mar | Bantuan persekolahan seperti Menu Rahmah sedang dirangka | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1074079/bantuan-persekolahan-seperti-menu-rahmah-sedang-dirangka | BH |
| 9-Mar | No price cap for Menu Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/887018/no-price-cap-menu-rahmah | NST |
| 9-Mar | Menu Rahmah bukan makanan kelas rendah - Salahuddin | https://m.malaysiakini.com/news/657789 | MALAYSIAKINI |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9-Mar | Menu rahmah di McDonald's bukti makanan itu bukan kelas rendah | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/943508/menu-rahmah-di-mcdonalds-bukti-makanan-itu-bukan-kelas-rendah | HM |
| 9-Mar | Salahuddin: Menu Rahmah McDonald's bukti bukan makanan kelas rendah | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/salahuddin-menu-rahmah-mcdonald-s-bukti-bukan-makanan-kelas-rendah-ME10724338 | THESUNDAILY |
| 9-Mar | Penyertaan syarikat jenama besar bukti Menu Rahmah bukan kelas rendah | https://www.kosmo.com.my/2023/03/08/penyertaan-syarikat-jenama-besar-bukti-menu-rahmah-bukan-kelas-rendah/ | KOSMO |
| 9-Mar | Peningkatan pelaburan beri manfaat kepada industri makanan – Salahuddin | https://malaysiagazette.com/2023/03/08/peningkatan-pelaburan-beri-manfaat-kepada-industri-makanan-salahuddin/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 9-Mar | Harga minyak masak tulen kekal | https://www.mynewshub.tv/2023/03/harga-minyak-masak-tulen-kekal/ | MYNEWSHUB |
| 9-Mar | Harga minyak masak tulen kekal | https://www.kosmo.com.my/2023/03/08/harga-minyak-masak-tulen-kekal/ | KOSMO |
| 9-Mar | Harga runcit minyak masak kemasan botol kekal | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248659 | SH |
| 9-Mar | Harga runcit minyak masak kemasan botol kekal | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2171091 | BERNAMA |
| 9-Mar | Harga runcit minyak masak sawit tulen kemasan botol kekal | https://www.thesundaily.my/home/harga-runcit-minyak-masak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal-kpdn-PE10723279 | THESUNDAILY |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9-Mar | Harga runcit minyak masak berbotol kekal hingga 7 April | https://harapandaily.com/harga-runcit-minyak-masak-berbotol-kekal-hingga-7-april/ | HARAPANDAILY |
| 9-Mar | Harga minyak masak botol kekal | https://www.buletintv3.my/nasional/harga-minyak-masak-botol-kekal-2/ | BULETINTV3 |
| 9-Mar | Restoran Deli Thai perkenal 12 set Menu Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248663 | SH |
| 9-Mar | Would Menu Rahmah face the same fate as Menu 1Malaysia? | https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2023/03/08/would-menu-rahmah-face-the-same-fate-as-menu-1malaysia/amp/ | THEMALAYSIANRESERVE |
| 9-Mar | Rakyat are winners when industry players offer Menu Rahmah: Salahuddin | https://www.thesundaily.my/home/rakyat-are-winners-when-industry-players-offer-menu-rahmah-salahuddin-DE10721516 | THESUNDAILY |
| 9-Mar | 'Rahmah Sale scheme helps the poor save up to RM100 a month' | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/08/rahmah-sale-scheme-helps-the-poor-save-up-to-rm100-a-month | THESTAR |
| 9-Mar | Oldtown White Coffee Sambut Baik Usaha Kerajaan Kurangkan Kos Sara Hidup, Lancarkan Menu Rahmah Untuk Rakyat Malaysia | https://siakapkeli.my/2023/03/08/oldtown-white-coffee-sambut-baik-usaha-kerajaan-kurangkan-kos-sara-hidup-lancarkan-menu-rahmah-untuk-rakyat-malaysia/ | SIAKAPKELI |
| 9-Mar | KPDN teliti inisiatif Rahmah peralatan sekolah - Salahuddin | https://www.sinarharian.com.my/article/248775/berita/nasional/kpdn-teliti-inisiatif-rahmah-peralatan-sekolah---salahuddin | SH |
| 9-Mar | Salahuddin: KPDN studies Rahmah initiative for schooling supplies | https://www.thesundaily.my/local/salahuddin-kpdn-studies-rahmah-initiative-for-schooling-supplies-JE10726179 | THESUNDAILY |
| 9-Mar | KPDN teliti inisiatif Rahmah peralatan sekolah - Salahuddin | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2171318 | BERNAMA |
| 9-Mar | KPDN teliti inisiatif rahmah untuk peralatan persekolahan – Salahuddin | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-teliti-inisiatif-rahmah-untuk-peralatan-persekolahan-salahuddin/ | BULETINTV3 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9-Mar | Kementerian teliti inisiatif Rahmah untuk alat sekolah, kata Salahuddin | https://www.themalaysianinsight.com/index.php/bahasa/s/431921 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 9-Mar | Govt considering Rahmah initiative for school supplies: Salahuddin | https://www.thevibes.com/articles/news/87273/govt-considering-rahmah-initiative-for-school-supplies-salahuddin | THEVIBES |
| 9-Mar | Harga runcit minyak masak tulen kemasan botol kekal - KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-runcit-minyak-masak-tulen-kemasan-botol-kekal-kpdn-409798%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 9-Mar | KPDN: Ceiling price of bottled cooking oil unchanged | https://www.thesundaily.my/local/kpdn-ceiling-price-of-bottled-cooking-oil-unchanged-HE10725345 | THESUNDAILY |
| 9-Mar | Harga minyak masak tulen kekal – KPDN | https://themerdekatimes.com/news/2023/03/harga-minyak-masak-tulen-kekal-kpdn/ | THEMERDERKATIMES |
| 9-Mar | Harga Minyak Masak Botol Tidak Berlaku Kenaikan | https://sumberkini.my/harga-minyak-masak-botol-tidak-berlaku-kenaikan/ | SUMEBRKINI |
| 9-Mar | Harga minyak masak botol kekal hingga 7 April | https://www.edisi9.com.my/2023/03/harga-minyak-masak-botol-kekal-hingga-7-april/ | EDISI9 |
| 9-Mar | Harga minyak masak tulen kekal | https://wartaoriental.com/2023/03/08/harga-minyak-masak-tulen-kekal/ | WARTAORIENTAL |
| 9-Mar | Ceiling price of bottled cooking oil unchanged - KPDN | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2171238 | BERNAMA |
| 9-Mar | 173 premis makanan tawar Menu Rahmah di Perak | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58901-173-premis-makanan-tawar-menu-rahmah-di-perak-2 | BERITARTM |
| 9-Mar | 'Saya tak nak jadi menteri munafik...'- Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1074292/saya-tak-nak-jadi-menteri-munafik-salahuddin | BH |
| 9-Mar | Harga barang bergantung kepada rantaian bekalan | https://www.astroawani.com/video-malaysia/harga-barang-bergantung-kepada-rantaian-bekalan-2012994 | ASTROAWANI |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9-Mar | 5 kementerian bermesyuarat teliti laporan isu ketirisan subsidi diesel | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/943686/5-kementerian-bermesyuarat-teliti-laporan-isu-ketirisan-subsidi-diesel | HM |
| 9-Mar | Lima kementerian teliti isu ketirisan subsidi diesel | https://www.astroawani.com/video-malaysia/lima-kementerian-teliti-isu-ketirisan-subsidi-diesel-2012996 | ASTROAWANI |
| 9-Mar | McDonald’s Perkenal 3 Hidangan Menu Rahmah Serendah RM5 | https://www.google.com/amp/s/www.buzzkini.com/news/2023/03/08/mcdonalds-perkenal-3-hidangan-menu-rahmah-serendah-rm5/amp/ | BUZZKINI |
| 9-Mar | Salahuddin: McDonald's Menu Rahmah proof food not low-class | https://m.malaysiakini.com/news/657812 | MALAYSIAKINI |
| 9-Mar | McDonald’s introduces Menu Rahmah meals as low as RM5 | https://selangorjournal.my/2023/03/mcdonalds-introduces-menu-rahmah-meals-as-low-as-rm5/ | SELANGORJOURNAL |